

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah)

NAMA JAWATAN	PEMBANTU PENGUATKUASA
Kementerian/Jabatan/Badan	MAJLIS PERBANDARAN KULIM
Berkanun/Kuasa Tempatan	
Kumpulan Perkhidmatan	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
Gred Jawatan	KP19
Jumlah kekosongan	SATU (1)
Jadual Gaji	RM1,360.00 - RM4,052.00
Jabatan	PENGUATKUASAAN
Taraf Jawatan	KONTRAK

DESKRIPSI TUGAS

Tugas Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 adalah membantu membuat operasi penguatkuasaan, penyediaan statistik penguatkuasaan, menyediakan rekod operasi dan pendakwaan, menyediakan kertas siasatan, terlibat dengan saksi kes-kes pendakwaan, siasatan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - a. Warganegara Malaysia ;
 - b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- c. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- d. i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - ii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19 : RM1,416.40); atau
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19 : RM1,472.80) dan
- e. Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera berikut:
 - i. Ketinggian badan sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - v. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
 - vii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- 2. Calon yang merupakan bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya hendaklah memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan dalam perkara 1(a), 1(b), 1(d)(ii) dan 1(e) di atas.

CARA MEMOHON

- 1) Semua borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman Portal MPKK
<http://www.mpkk.gov.my/ms/quest/e-borang>
- 2) Setiap permohonan hendaklah disertakan perkara-perkara berikut:-
 - a) 2 keping gambar berukuran passport
 - b) Salinan Sijil Kelahiran } Tidak perlu
 - c) Salinan Kad Pengenalan } disahkan salinan
 - d) Salinan Sijil Peperiksaan } sebenar
 - e) Lain-lain Sijil yang berkaitan }
- 3) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 25 sm x 32 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- 4) Permohonan yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan akan DITOLAK. Permohonan hendaklah sampai di alamat seperti berikut:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
NO. 1, LEBUH BANDAR 2
BANDAR PUTRA
09000 KULIM, KEDAH DARUL AMAN
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)**

- 5) Tarikh Tutup Permohonan: **22 SEPTEMBER 2021**

CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.